

# TANGANI KES DERA SECARA BERKESAN

Oleh NOOR MOHAMAD  
SHAKIL HAMEED

**K**ES penderaan kanak-kanak yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sejak tahun 2010 hingga 2014 merekodkan peningkatan yang cukup membimbangkan. Untuk rekod kes yang dilaporkan pada 2010 adalah 3,257, 2011 (3,428 kes), 2012 (3,831 kes), 2013 (4,119 kes) dan pada tahun lalu direkodkan sebanyak 4,295 kes.

Malah kes yang dilaporkan sejak Januari hingga Jun tahun ini sudah pun berjumlah 1,473 kes. Peningkatan ini sewajarnya merisaukan kita semua. Masakan tidak anak-anak terus menjadi mangsa kerakusan individu yang tidak berperikemanusiaan.

Ironinya, kes penderaan kanak-kanak bukanlah isu baru dalam masyarakat kita. Hampir sepanjang masa media cetak dan elektronik melaporkan dan mendedahkan kes penderaan yang berlaku di seluruh negara. Ada yang melibatkan ibu bapa dan keluarga sendiri, ibu atau bapa tiri dan tidak terkecuali juga membabitkan pembantu rumah serta penderaan di pusat asuhan kanak-kanak.

Sebut saja kes penderaan kanak-kanak secara lazimnya begitulah skrip yang biasa kita dengar dan banyak kali berulang sehingga masyarakat kita sudah terlalu terbiasa apabila kes penderaan baru dilaporkan. Kebiasaan itu semua pihak akan marah, geram dan tidak berpuas hati dengan sesuatu kes penderaan apatah lagi jika membabitkan kematian ataupun membawa kepada kecacatan kekal kepada mangsa.

Walaupun masyarakat menzahirkan kemarahan dan pihak berkuasa juga dengan segera bertindak menangkap pihak yang melakukan penderaan ini, namun hakikatnya kes penderaan masih terus berlaku malah meningkat secara mendadak. Maka persoalannya, di mana silapnya dan kenapa ini terus berlaku?

Seperkara lagi, kempen-kempen yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) yang prihatin dengan nasib kanak-kanak di negara ini, sejauh manakah membuatkan hasil kerana sekali lagi penderaan tetap meningkat juga. Apakah kempen-kempen ini gagal memberi impak yang diharapkan?

Secara jujurnya penulis cukup keliru dan risau dengan masalah sosial ini yang dilihat begitu kuat mencengkam masyarakat kita. Keliru kerana tidak pasti apa punca sebenar masalah ini dan risau kerana kes penderaan semakin meningkat. Rata-rata pihak hanya



KELUARGA mangsa dera, Nur Zuliana Zaara Zulkifli, 5, yang mengalami kecederaan serius termasuk patah 10 tulang rusuk tidak dapat mengawal perasaan sedih selepas melihat kelbat bapa kandung dan ibu tiri mangsa yang dilanjutkan tahanan reman kerana disyaki terbabit dalam kes berkenaan di Kompleks Mahkamah Pasir Mas, Kelantan pada 6 Jun lalu. - UTUSAN/WAHIDIN SALIM

mampu menggeleng kepala apabila didekah dengan kes penderaan terbaru kerana kita jelas tidak mampu menanganinya dengan berkesan.

Masyarakat menyalahkan pihak berkuasa kononnya tindakan pihak kurang berkesan. Masyarakat juga menyalahkan si pelaku atau pendera terbabit dengan pelbagai tuduhan tanpa menyedari betapa pendera itu adalah sebahagian dari masyarakat kita juga.

Pihak berkuasa pula menyalahkan masyarakat kerana kurang bertanggungjawab dan tidak memainkan peranan sekurang-kurangnya sebagai pelapor jika terdapat kes penderaan di sekitar mereka.

Masing-masing ada alasan kukuh untuk menyalahkan pihak lain. Namun realiti, kenapa kita masih belum sedar betapa empat lagi jari masih jelas terarah kepada kita?

Semua pihak perlu sedar bahawa tanggungjawab untuk menangani masalah sosial ini perlu dipikul bersama. Kita percaya, baik individu masyarakat, agensi kerajaan maupun NGO semuanya mempunyai niat dan azam yang sama iaitu ingin mencegah kes penderaan daripada terus berlaku dan seterusnya menjaga dan melindungi keselamatan dan kebajikan anak-anak kita.

Maka, eloklah semua pihak ini buang sekejap ego dan prinsip masing-masing seterusnya duduk semeja berbincang dari hati ke hati mencari jalan untuk menangani masalah ini secara bersama.

Penulis percaya kaedah ini akan lebih berhasil dan berkesan dari-

pada kita bekerja secara silo dan sendiri. Segala sumber yang ada baik sumber manusia, kemudahan maupun kewangan wajar digembangkan secara optimum supaya kita dapat hasil yang menakjubkan.

Ini tidak mustahil untuk dilakukan andai kita meletak kepentingan kanak-kanak serta elemen kejujuran dan keikhlasan di tempat yang pertama berbanding isu-isu remeh temeh lain yang sering dijadikan sebagai alasan klise dan menjadi penghalang segala jenis kerjasama yang strategik.

Maka di sinilah kita menuntut peranan semua pihak yang terlibat tadi iaitu wakil masyarakat, agensi kerajaan dan juga NGO untuk duduk semeja mencari penyelesaian kepada masalah tersebut. Secara umumnya kita sudah tahu apa masalahnya, maka apa yang diperlukan sekarang adalah jalan penyelesaian untuk menangani isu ini secara tuntas dan dari akar umbi.

Penulis masih percaya kempen didikan dan langkah penguatkuasaan tetap boleh menjadi sandaran utama untuk menangani isu ini.

Cuma bezanya sejauh manakah kita mampu memberi nafas baharu kepada kedua-dua aspek ini? Adakah kita masih mahu guna kaedah tradisional atau sudah berani mencuba cara baharu di luar kotak yang lebih mencabar?

Misalnya, selama ini kita sudah melakukan pelbagai kempen kesedaran tentang kes penderaan mungkin sudah tiba masanya untuk kita menyemak dan menilai semula kempen-kempen tersebut.

Ini bukan bermakna segala kempen tersebut gagal namun tidak salah untuk diberi nafas baharu mengikut peredaran zaman.

Contohnya, jika selama ini kita buat kempen dalam televisyen, radio dan media cetak mungkin sudah tiba masanya untuk kita bertukar arah kepada media alternatif seperti media sosial kerana generasi hari ini terlalu bergantung kepada media sosial seperti facebook dan twiter.

Aspek penguatkuasaan juga perlu diteliti semula. Kita sememangnya memuji pihak berkuasa yang sering bertindak dengan begitu pantas dan efisien dalam menangkap dan membawa pendera kanak-kanak ke muka pengadilan.

Tetapi adakah itu saja yang kita mampu lakukan? Jelas ini adalah tindakan pembetulan iaitu tindakan selepas sesuatu kes penderaan itu sudahpun berlaku atau dalam erti kata lain nasi sudahpun menjadi bubur.

Justeru apa yang kita harapkan ialah seboleh-bolehnya kita hendak menghalang atau mencegah daripada berlakunya kes penderaan ini. Maka apa caranya untuk kita menghalang atau mencegah?

Itu yang perlu diberi perhatian dan difikirkan oleh semua agensi penguatkuasaan yang terlibat. Di samping kita berharap agar masyarakat mengubah sikap kepada sikap ambil tahu dan peduli sekerasnya akan melaporkan kepada pihak berkuasa, agensi yang terlibat juga perlu lebih proaktif dalam menangani kes penderaan.

Kebanyakan kes penderaan adalah membabitkan keluarga yang bermasalah sama ada ibu bapa bercerai, ada masalah dadah atau pun mengalami desakan hidup dan masalah kewangan serius.

Sebagai langkah awal mungkin semua agensi yang terlibat dalam hal ini perlu bekerjasama dan dari peringkat awal lagi memantau keluarga-keluarga bermasalah seperti ini yang ada dalam rekod kita.

Memang betul tidak semua direkodkan ataupun mana mungkin kita mampu memantau di seluruh pelosok negara tetapi janganlah jadikan itu sebagai alasan sehingga kita langsung tidak ada inisiatif dan usaha walaupun sedikit.

Cukup-cukuplah dengan kes penderaan yang telah berlaku selama ini. Kita tidak mahu statistik tersebut terus meningkat kerana ini bukanlah suatu rekod yang perlu dibanggakan. Marilah kita memasang azam untuk menangani kes penderaan secara lebih serius demi memastikan keselamatan dan kebajikan generasi pewaris negara ini terus dipelihara.

**PENULIS** ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM).